

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

SAU204 - MASYARAKAT TANI  
(Dalam Kampus)

JSA241 - MASYARAKAT TANI  
(Luar Kampus)

Tarikh: 11 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

---

Sila jawab soalan Bahagian A dan DUA (2) soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

1. Secara ringkas, sila jelaskan lima daripada istilah-istilah yang berikut:

- a. tabung gantian
- b. tradisi kecil
- c. nisbah pengguna-pekerja
- d. pembezaan demografik
- e. hubungan penaung-pelanggan
- f. ekonomi moral

(25 markah)

2. Sila isikan ruang kosong dengan jawapan yang sesuai. Sila tulis jawapan anda dalam buku jawapan.

a. Menurut Wolf, keperluan menghasilkan \_\_\_\_\_ merupakan kriteria utama yang membezakan kaum tani dari pencucuk-pencucuk tanam primitif.

b. Dalam teori Chayanov, keputusan-keputusan pengeluaran tani berdasarkanimbangan di antara dua pertimbangan. Dua pertimbangan ini ialah \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.



(SAU204/JSA241)

- c. Mengikut penjelasan Ward, \_\_\_\_\_ merupakan pelincir pemasaran hasil tani.
- d. Bagi Scott, petani bertindak berdasarkan prinsip \_\_\_\_\_. (Catitan: Jangan beri jawapan ekonomi moral!)

(15 markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan dalam bahagian ini.

1. Sila jawab semua bahagian dalam soalan ini:

- a. Bandingkan analisis pembezaan demografik dengan analisis pembezaan kelas dari sudut teoritis.

(10 markah)

- b. Bagaimakah boleh anda buktikan analisis mana yang lebih tepat menggambarkan realiti?

(10 markah)

- c. Menurut data-data yang anda perolehi dari bacaan anda, pandangan mana yang lebih tepat menggambarkan realiti? Sila beri penjelasan.

(10 markah)

2. Sila jawab semua bahagian dalam soalan ini:

- a. Apakah maksudnya "dahulukan keselamatan"/"safety first"?

(5 markah)

- b. Menurut Scott, prinsip ini diamalkan oleh siapa di kalangan kaum tani?

(3 markah)



(SAU204/JSA241)

- c. Berdasarkan prinsip ini, bagaimanakah Scott menjelaskan tanggapan tani terhadap eksplotasi?  
(12 markah)
- d. Berasaskan penjelasan itu, apakah faktor-faktor yang mungkin mencetuskan pemberontakan tani? Sila beri penjelasan ringkas bagi tiap-tiap faktor yang anda sebutkan.  
(10 markah)
3. Sila jawab semua bahagian dalam soalan ini:
- Jelaskan makna monopoli dan monopsoni.  
(2 markah)
  - Apakah akibat struktur ini, sekiranya wujud, bagi pihak tani?  
(4 markah)
  - Siapakah di antara pembeli-pembeli hasil tani yang akan kaitkan kegiatannya dengan penjualan barang-barang runcit? Sila beri penjelasan akan sebab-sebabnya.  
(8 markah)
  - Adakah struktur monopoli-monopsoni sebenarnya wujud? Sila beri penjelasan.  
(8 markah)
  - Berdasarkan jawapan anda pada bahagian (d), cuba memberi satu pandangan akan eksplotasi terhadap tani melalui pemasaran.  
(8 markah)
4. Adakah Revolusi Hijau menyelesaikan masalah tani dari segi daya pengeluaran dan pendapatan yang rendah? Bincangkan dari sudut pengeluaran, pendapatan, pengagihan faedah, pola pemilikan dan penggunaan tanah, serta perhubungan di antara tani dengan golongan dan sektor ekonomi lain.  
(30 markah)

